

BANTULAH RAKYAT BUKAN 'SAKITI' MEREKA



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

KETIKA ini mahu tidak mahu, kita harus mengakui rakyat semakin mengeluh mengenai kenaikan kos sara hidup. Di mana-mana sahaja termasuklah di dalam media sosial, ia menjadi topik paling hangat.

Isu itu bertambah panas apabila ibu bapa merungut berikutan harga-harga barang untuk persekolahan anak-anak mereka juga semakin mahal. Sesetengah peniaga mengambil kesempatan meraih keuntungan tanpa mempedulikan kesusahan rakyat.

Sudah pastilah dalam keadaan itu, sebagai kerajaan yang prihatin, nadi denyut rakyat harus difahami dan suara mereka perlu didengari.

Bagaimanapun sesuatu yang melegakan, apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi tampil mengumumkan usaha kerajaan membantu meredakan kos beban rakyat melalui penubuhan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai perkara itu.

Ahmad Zahid yang akan memengerusikan jawatankuasa itu menegaskan, ia akan dianggotai oleh menteri dan ketua setiausaha enam kementerian. Antara menteri yang terlibat ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Penubuhan jawatankuasa itu tepat pada masanya kerana isu kos sara hidup rakyat perlu ditangani segera. Ia tidak boleh lagi dilayan melalui ucapan-ucapan retorik apatah lagi cadangan yang bertaraf 'maharaja lawak mega'. Penulis tidak perlu merujuk secara terperinci apa kenyataan itu, 'satu Malaysia' sudah tahu.

Sememangnya, majoriti rakyat memahami faktor-faktor yang

mengakibatkan kenaikan harga barangan serta kos perkhidmatan termasuk tambang pengangkutan awam dan caj utiliti, tetapi dalam masa yang sama mereka berharap kerajaan tidak akan duduk diam sebaliknya terus berusaha mencari jalan mengurangkan beban mereka.

Itulah yang dilakukan oleh kerajaan melalui penubuhan jawatankuasa tersebut. Ia bertujuan mendengar cadangan dan melaksanakan mekanisme atau langkah menolong rakyat. Dalam soal ini, sudah tentulah kerajaan tidak akan melakukan langkah bersifat populis semata-mata sebaliknya berpandu-



IBU bapa sibuk membeli keperluan persekolahan anak-anak mereka di pusat beli belah AON Jusco Cheras Selatan, di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Sepatutnya dalam situasi ini, mana-mana pemimpin berhati-hati dengan kata-kata mereka dan bukan membuat kenyataan 'ikut sedap mulut' sahaja, ini kerana tindakan mereka boleh menyebabkan rakyat memandang serong kepada kerajaan.

kan kepada kedudukan kewangan dan situasi ekonomi semasa.

Tetapi malangnya niat baik kerajaan sentiasa sahaja 'terlindung' atau terjejas hanya disebabkan oleh kenyataan-kenyataan tidak bijak yang dilontarkan oleh sesetengah

pemimpin. Adalah sesuatu yang aneh apabila masih ada lagi pemimpin yang tidak faham-faham sensitiviti rakyat ketika mereka berhadapan peningkatan kos sara hidup.

Sepatutnya dalam situasi ini, mana-mana pemimpin berhati-hati dengan kata-kata mereka dan bukan membuat kenyataan 'ikut sedap mulut' sahaja, ini kerana tindakan mereka boleh menyebabkan rakyat memandang serong kepada kerajaan.

Yang akan menjadi 'sasaran' dalam laman-laman sosial bukan sahaja pemimpin tersebut tetapi juga kerajaan, tidak fasal-fasal kerajaan menjadi 'mangsa' ketika Per-

dana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ahmad Zahid dan barisan Kabinet bertungkus-lumus berusaha mencari jalan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Lebih memburukkan keadaan apabila kenyataan 'tidak cerdik' seumpama itu akan dimanipulasikan oleh pembangkang, kesudahannya kerajaan yang nampak buruk, ia ibarat 'seekor kerbau membawa lumpur satu kandang terpalit'.

Hakikatnya, kerajaan sentiasa berusaha mencari jalan menyelesaikan masalah rakyat seperti mana dibuktikan melalui penubuhan jawatankuasa berkaitan kos sara hidup itu. Bagaimanapun perlu ditegaskan, kenaikan kos sara hidup juga ada kaitan dengan penguatkuasaan. Ini ditegaskan oleh Ahmad Zahid dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Tegas beliau, penguatkuasaan perlu dipertingkatkan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati terutamanya ketika musim perayaan dan persekolahan.

Sejak kebelakangan ini, sudah ada rungutan bahawa Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) agak 'perlahan' dalam tindakan penguatkuasaan. Ini memungkinkan peniaga-peniaga yang tamak mengambil kesempatan. Ini belum lagi mengambil kira bagaimana ada peniaga-peniaga yang menipu pembeli seperti mana peristiwa kekecohan di Plaza Kota Raya. Perlu difahami tindakan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) semata-mata

mahu membela pengguna selepas aduan kepada pihak berkuasa tidak mendatangkan apa-apa hasil.

Adalah sesuatu yang mendukacitakan apabila kaunter aduan hanya dibuka selepas kekecohan berlaku. Ini menimbulkan persoalan apakah selama ini peniaga-peniaga seumpama itu tidak pernah berada dalam pemantauan pihak berkuasa?

Dalam berhadapan kenaikan kos sara hidup, apa yang dilakukan oleh semua pihak khususnya pemimpin-pemimpin kerajaan ialah menumpukan perhatian bagaimana hendak membantu rakyat. Mereka memahami kerajaan bukannya duduk diam tetapi kemarahan mereka tercetus kerana 'kejahilan' sesetengah pihak membuat kenyataan seolah-olah rakyat tidak mempunyai perasaan.

Apapun kenaikan kos sara hidup perlu ditangani segera. Percayalah rakyat tidak peduli isu lain biarpun ada isu itu menjadi 'nyanyian' pembangkang siang dan malam dengan tujuan untuk memburuk-burukkan kerajaan. Sejarah politik negara sudah membuktikan perkara ini. Rakyat lebih mengutamakan kesejahteraan ekonomi mereka dan bukannya melayan isu-isu yang sengaja dibangkitkan bagi tujuan meraih sokongan politik.

Oleh itu tumpulah kepada persoalan tersebut. Penulis percaya kerajaan memahami situasi ini. Dalam bahasa mudah, bantulah rakyat, jangan 'sakiti' mereka kerana kalau rakyat sudah 'menyampah', kesan politiknya amat hebat. Semoga sesetengah ahli politik yang merasakan mereka cerdik memahami perkara ini.